



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1986**

**PEMBERHENTIAN SKIM INSURAN YANG DIJALANKAN OLEH  
PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN**

**1. TUJUAN**

1.1 Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk memberitahu semua pihak pengurusan Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan untuk memberhentikan pengambilan Skim Insuran, yang pembayaran premiumnya dibuat melalui peruntukan belanja mengurus atau kumpulan wang simpanan, tidak kira sama ada premium tersebut dibayar sebahagian atau sepenuhnya melalui peruntukan yang disebutkan.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Pada 24 April 1979, Bahagian Pencen melalui surat JPA (TAB) (S) 228/11/(93) telah mengarahkan supaya Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan memberhentikan Skim Insuran bagi pekerja masing-masing. Arahan itu adalah sejajar dengan perakuan Suruhanjaya Diraja Harun supaya polisi yang dikendalikan oleh setengah-setengah pengurusan dihentikan.

2.2 Di bawah syarat Perkhidmatan Harun, pekerja yang berpindah kepada gaji baru dan berpencen adalah layak dibayar elaun kecederaan mengikut kadar dan syarat-syarat yang digunakan ke atas pekerja Kerajaan. Orang-orang tanggungan pekerja juga layak dikurniakan pencen tanggungan mengikut kadar dan syarat-syarat yang digunakan ke atas pekerja Kerajaan. Proviso mengenai

bayaran pencen hilangupaya dan pencen tanggungan telah diperuntukkan di bawah Seksyen 19 dan Seksyen 20 [Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980](#) (Akta 239). Faedah ini adalah juga sama dengan apa yang diperolehi oleh pegawai dalam Perkhidmatan Awam di bawah Seksyen 17 dan 18 [Akta Pencen 1980](#) (Akta 227).

### **3. FAEDAH TAMAT PERKHIDMATAN YANG SAMA**

#### **3.1 Memandangkan bahawa peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam**

Akta Pencen memberi perlindungan kepada pekerja dan tanggungan jika pekerja bersara akibat dari mendapat bencana semasa menjalankan tugas atau dalam perjalanan, maka perlindungan insuran kepada pekerja yang terus diamalkan merupakan faedah yang berganda yang akan diterima oleh pekerja Badan-badan Berkanun dan Kuasa Tempatan berbanding dengan pekerja dalam Perkhidmatan Awam. Ini adalah disebabkan pekerja Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan yang dilindungi oleh insuran yang bersara akibat dari bencana semasa menjalankan tugas atau dalam perjalanan akan juga mendapat bayaran faedah insuran selain dari pencen dan pencen hilangupaya yang hanya dibayar kepada pekerja dalam Perkhidmatan Awam dalam keadaan yang sama. Ini adalah bertentangan dengan prinsip faedah tamat perkhidmatan yang tidak boleh membezakan antara pekerja sektor awam dan Badan Berkanun atau Kuasa Tempatan.

### **4. CARA-CARA PERLAKSANAAN**

#### **4.1 Prosedur untuk menghentikannya, hendaklah dibuat seperti berikut:**

4.1.1 Pihak pengurusan hendaklah menghentikan semua bentuk polisi insuran yang ada sekarang dengan syarikat-syarikat insuran;

4.1.2 Bagi polisi-polisi yang mempunyai nilai serahan, pembahagian faedah serahan kepada pekerja-pekerja dan pihak pengurusan hendaklah seimbang dengan kadar-kadar caruman yang dibayar oleh kedua-kedua belah pihak;

4.1.3 Pekerja-pekerja yang ingin mendapatkan perlindungan insuran seterusnya hendaklah mengaturkan perlindungan insuran yang baru dengan keseluruhan caruman ditanggung oleh mereka sendiri.

### **5. PENERUSI DAN AHLI LEMBAGA PENGURUS**

5.1 Berhubung dengan Pengerusi dan ahli-ahli lembaga pengurus yang bukannya terdiri dari kakitangan perkhidmatan Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan atau Perkhidmatan Awam, pihak Badan-badan Berkanun dan Kuasa Tempatan adalah dibenarkan mengambil insuran untuk melindungi mereka sekiranya berlaku bencana semasa menjalankan tugas rasmi atau dalam perjalanan menuju kepada tugas rasmi di Lembaga/Majlis. Perlindungan yang akan diberi kepada mereka adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut

5.1.1 Polisi yang diambil hendaklah dalam bentuk Personal Accident Policy; dan

5.1.2 Jumlah perlindungan untuk seseorang ahli ialah sebanyak \$60,000.00 sahaja.

## 6. **TARIKH KUATKUASA**

6.1 Adalah diputuskan bahawa Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari 1 bulan dari tarikh surat ini dan semua bentuk insuran kepada pekerja yang mana premiumnya dibayar sepenuhnya atau sebahagian oleh Pihak Pengurusan melalui peruntukan Kumpulanwang Simpanan atau belanja mengurus hendaklah dihentikan.

(DATO' WAN MANSOR BIN ABDULLAH),

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia

1Jun 1986

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k.

Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun Persekutuan dan Negeri,

Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.

Pihak Pengurusan Perbadanan-perbadanan Awam Persekutuan dan Negeri.